



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY
Kementerian Dalam Negeri
Ministry of Home Affairs
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 KAJANG
SELANGOR, MALAYSIA



Tel: 603-8911 2200
Faks (Fax): 604-8926 2055
Laman Web (Web): www.adk.gov.my

Ruj Kami : AADK 600-3/1/1 (21)

Tarikh : 18 Mac 2020

Semua Pengarah AADK Negeri
Semua Pengarah PUSPEN
Semua Ketua Pegawai AADK Daerah

ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PUSAT PEMULIHAN DAN KOMUNITI

Tuan/Puan,

Saya dengan hormat dan takzimnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan kepada semua rakyat bermula **18 Mac hingga 31 Mac 2020**. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak Pandemik COVID-19. Perintah ini terpakai untuk semua penduduk di Malaysia termasuk penjawat awam dan akan dikuatkuasakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Sehubungan itu, sebagai langkah kawalan dalaman dan bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan program rawatan dan pemulihan di AADK tidak terjejas, semua Ketua PTJ dimohon untuk mengambil langkah-langkah yang digariskan di **Lampiran 1 & 2**.

Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Cawangan Institusi di talian 03-89112473 /2465 dan Cawangan Pemulihan Dalam Komuniti di talian 03-89112438.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"DADAH TERKAWAL 2025"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SABRI BIN ZAINUDIN@ZAINOL)

Timbalan Ketua Pengarah Dasar
b.p Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

GARIS PANDUAN KAWALAN COVID-19 DI PUSAT PEMULIHAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

A. KEMASUKAN KLIEN/ KELUARGA/ ORANG AWAM

1. Klien
 - a. *Cure & Care Recovery Centre (CCRC)*
 - i. Tiada kemasukan baru kecuali telah diperintahkan oleh mahkamah.
 - ii. Perlu melaksanakan saringan awal COVID-19 oleh Penolong Pegawai Perubatan.
 - iii. Pengasingan perlu dilaksanakan selama 14 hari kepada setiap klien baru.
 - b. *Cure & Care (C&C)*
 - i. Tiada kemasukan klien secara sukarela/*walk in* dalam tempoh ini.
2. Keluarga
 - a. Tiada lawatan keluarga kecuali bagi kes-kes kecemasan sahaja.
3. Orang Awam/ Jabatan/NGO
 - a. Orang awam tidak dibenarkan sama sekali memasuki pusat pemulihan dan semua lawatan dari pihak luar ditangguhkan serta merta.

B. PROGRAM PEMULIHAN

1. *Morning Meeting/ Wrap up*
 - a. Dilaksanakan dikawasan terbuka dengan jarak antara klien mengikut kesesuaian.
 - b. Pegawai/ klien yang menunjukkan simptom-simptom (COVID-19) dikecualikan daripada semua aktiviti dan perlu diasingkan.
 - c. Cuci tangan dengan sabun sebelum dan selepas aktiviti yang melibatkan klien.
2. Kelas Psiko-pendidikan/ Kawad/ Psiko-sosial/ Psiko-spiritual
 - a. Diteruskan di kawasan terbuka dengan jarak antara klien dan staf mengikut kesesuaian.
 - b. Pegawai/ klien yang menunjukkan simptom-simptom (COVID-19) dikecualikan dari sebarang program.
 - c. Cuci tangan dengan sabun sebelum dan selepas program yang melibatkan klien.
 - d. Jadual program disusun semula mengikut kesesuaian dan kapasiti staf

3. Aktiviti Solat & Ibadat
 - a. Solat Jemaah dilaksanakan di asrama masing-masing yang dikendalikan oleh naqib dan PB bertugas jika perlu.
 - b. Program Isra': Sesi dilaksanakan di asrama masing-masing.
 - c. Solat Jumaat diteruskan namun orang luar tidak dibenarkan berjemaah bersama.
 - d. Laungan azan hendaklah diteruskan seperti kelaziman oleh jawatankuasa surau.
4. Integrasi Masyarakat & *Outing*/ Kemahiran Vokasional
 - a. Aktiviti kemahiran vokasional di luar premis ditangguhkan.
 - b. Aktiviti vokasional di dalam premis boleh diteruskan mengikut kapasiti staf.
 - c. Program integrasi masyarakat dan *outing* ditangguhkan serta merta.

C. PEMERIKSAAN KESIHATAN & PENGASINGAN

1. Penyelia asrama/ *Staff-on-duty* (SOD) memaklumkan dengan kadar segera sekiranya ada klien yang sakit kepada Penolong Pegawai Perubatan.
2. Pemeriksaan kesihatan ke atas klien yang mempunyai simptom-simptom COVID-19 perlu dilakukan dengan kadar segera.
3. Sekiranya klien mempunyai simptom-simptom COVID-19, perlu dirujuk dengan segera ke fasiliti kesihatan terdekat.
4. Pengasingan klien yang mempunyai simptom perlu dilakukan seperti yang diarahkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
5. Staf yang menunjukkan simptom-simptom COVID-19 diarahkan untuk tidak hadir bertugas dan mendapatkan rawatan.
6. Ketua PTJ perlu menyediakan asrama khusus bagi tujuan pengasingan klien yang menunjukkan symptom-simptom COVID-19.

D. RATION/ STOK MAKANAN

1. Pembekalan stok makanan basah perlu disediakan sekurang-kurangnya untuk tempoh satu minggu atau mengikut keperluan.
2. Pembekalan stok makanan kering perlu disediakan untuk tempoh dua minggu.
3. Penyediaan dan pengendalian makanan perlu dilaksanakan dengan teliti mengikut Akta Makanan 1983.
4. Penerima *ration* dilakukan oleh staf dan pembekal tetapi tidak boleh dilakukan di kawasan dapur.

E. KESELAMATAN

1. Semua Ketua PTJ perlu memastikan aspek keselamatan pusat pemulihan mengikut SOP. Pegawai keselamatan PTJ harus sentiasa berada di pusat pemulihan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes seperti kelarian, rusuhan, pencerobohan, kecurian dan sebagainya.
2. Sebarang insiden berhubung dengan keselamatan perlu dimaklumkan kepada ibupejabat dengan kadar segera.

F. KAKITANGAN

1. Semua kakitangan PUSPEN adalah dikehendaki bekerja sepenuh masa seperti mana kebiasaannya.
2. Sekiranya terdapat keperluan mendesak samada kecemasan atau hal-hal kebajikan, Ketua Institusi adalah dibenarkan membuat keputusan terbaik.

GARISPANDUAN KAWALAN COVID-19 BAGI PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

A. AADK DAERAH

1. Laporan diri OKP dan program psikososial ditangguhkan sehingga dimaklumkan kemudian.

B. PUSAT INTEGRASI KLIEN (PIK)

1. Program psikososial diteruskan mengikut kapasiti staf dan mengikut kesesuaian.
2. Semua Penyelaras perlu memastikan aspek keselamatan PIK perlu dipertingkatkan dan pegawai keselamatan perlu sentiasa berada di premis bagi mengelakkan kes-kes seperti kelarian, pencerobohan, kecurian dan sebagainya.
3. Pergerakan keluar masuk klien hanya dibenarkan jika mempunyai keperluan yang mendesak sahaja.

C. CURE & CARE SERVICE CENTRE (CCSC)

1. Program *outpatient* di CCSC ditangguhkan sehingga dimaklumkan kemudian.
2. Program pendispensan Methadon dilaksanakan seperti biasa.